

# TAHAP PENGETAHUAN GURU DAN PELAJAR TERHADAP INTERVENSI KERJA SOSIAL SEKOLAH DALAM MENANGANI MASALAH SOSIAL PELAJAR

Nurzaimah Asalal  
Ezarina Zakaria  
Haris Abd Wahab<sup>1</sup>

## Abstract

Social work is becoming more prevalent in Malaysia and Indonesia. More people are becoming aware of the importance of professional social work services to help improve services in various areas such as welfare, medical, crime, and education. The establishment of the Malaysian Association of Social Workers (MASW) and the Association of Professional Social Workers Indonesia (IPSPI) clearly indicate the concern for such services in both countries. However, the knowledge of practitioners in professional social work services in the community is still minimal. Lack of knowledge among practitioners can create problems and difficulties in getting acceptance for the social work activities in various institutions including in schools. This article evaluates the level of knowledge of teachers and students regarding the practice of school social work intervention in Malaysia. A study was conducted using quantitative methods involving teachers and students in schools. Forty teachers and 45 students were involved in this study. This study shows that the level of knowledge among teachers and students on social work intervention remains low.  
**Keywords:** School social work, intervention, knowledge, social services Malaysia

## Pengenalan

Masalah sosial yang kian menular dalam kalangan pelajar memerlukan tindakan kolektif daripada pelbagai pihak terutama pihak sekolah dengan pekerja sosial sekolah. Walaupun sudah ada penempatan kaunselor sekolah, guru disiplin, dan tindakan bersama pihak polis bagi menangani masalah sosial pelajar di sekolah, namun keperluan pekerja sosial sekolah juga begitu penting untuk dilaksanakan berikutan setiap peranan yang dimainkan ada batasannya. Contohnya, kaunselor sekolah hanya mampu melibatkan pelajar dalam menangani masalah yang dihadapi dan jika intervensi melibatkan ibu bapa, ibu bapa terpaksa datang ke sekolah untuk berjumpa dengan guru. Kesukaran yang dihadapi sama ada oleh pihak guru mahupun ibu bapa untuk sama-sama menangani masalah pelajar memperlihatkan perlunya satu profesion yang mampu menghubungkan pelajar dengan keluarga, komuniti dan persekitaran dalam membantu menangani masalah sosial pelajar iaitu praktis kerja sosial sekolah.

Kerja sosial sekolah terlaksana secara rasminya di negara barat pada tahun 1906 (Salazar 2010). Kesedaran untuk mengiktiraf amalan kerja sosial sekolah ini bermula setelah kerajaan barat yang mewajibkan pendidikan kepada semua warganya, sedar tentang wujudnya perbezaan budaya pelajar, dan keperluan untuk memenuhi kefungsiian sosial pelajar yang bermasalah (Teasley 2004). Menyedari masalah ini dan pemahaman bahawa intervensi ke atas masalah sosial pelajar sekolah turut memerlukan penglibatan keluarga serta komuniti, pihak swasta telah memperkenalkan dua rumah penempatan iaitu Hartley House dan Greenwich House di New York (Amna, Rozumah, Abdullah Al-Hadi *et al.* 2003). Guru pelawat telah ditempatkan di rumah ini dan mereka dihubungkan dengan tiga buah sekolah serta komuniti sekitarnya. Pada ketika itu, Mary Marot yang merupakan salah seorang guru pelawat telah berjaya membentuk sebuah jawatankuasa di rumah ini. Kejayaan ini telah menarik minat kerajaan New York untuk menerima sebuah program iaitu '*visiting teacher program*'. Guru pelawat di dalam program ini kemudiannya telah dikenali sebagai pekerja sosial sekolah sehingga kini.

Kesedaran keperluan kerja sosial sekolah juga timbul menerusi Persatuan Pendidikan Wanita di Boston (Costin 1969). Persatuan ini telah memperkenalkan konsep '*visiting teacher*' iaitu lawatan ke rumah pelajar (Salazar 2010). Peranan utama persatuan ini adalah bagi mewujudkan komunikasi yang baik antara sekolah iaitu pihak guru dengan keluarga pelajar. Bagi pekerja sosial sekolah, guru yang membantu menyelesaikan masalah pelajar di sekolah perlu berkomunikasi dan mengadakan sesi lawatan ke rumah keluarga pelajar. Namun begitu, keterbatasan tugas guru untuk mengadakan lawatan ke rumah pelajar memerlukan pekerja sosial untuk berjumpa dengan ibu bapa bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi pelajar. Pekerja sosial sekolah juga dikenali sebagai 'guru istimewa'. Penempatan profesional ini di sekolah dikendalikan oleh Pengarah Klinik Psikologi di Hartford. Peranan guru istimewa ini adalah untuk membantu pihak klinik psikologi mengenal pasti pelajar yang bermasalah. Hasilnya, peranan yang dimainkan oleh pekerja sosial sekolah ini telah mampu menyelesaikan masalah sosial pelajar di barat.

Perkembangan amalan kerja sosial sekolah ini lebih giat lagi pada tahun 1945. Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat telah mengadakan rundingan terbesar bersama golongan pentadbir sekolah, suruhanjaya pendidikan, wakil institusi pendidikan kerja sosial dan kerja sosial sekolah serta pekerja sosial bagi mencadangkan dan merumuskan kualifikasi peranan pekerja sosial sekolah (Adi Fahrudin 2000). Rundingan ini telah berjaya membuka ruang kepada praktis kerja sosial sekolah diamalkan bagi membantu pelajar bermasalah. Perkembangan besar bidang kerja sosial sekolah ini telah membawa kejayaan profesion kerja sosial yang kini turut dipraktikkan di negara-negara maju seperti Jepun, Hong Kong, Korea Selatan, New Zealand, dan Singapura (Azizan, 2010).

Bagi Malaysia, bidang kerja sosial sudah lama bertapak. Penubuhan Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW) pada 3 Mac 1973 menunjukkan permulaan bagi perkembangan bidang kerja sosial secara profesional di Malaysia. Sejarah perkembangan kerja sosial ini bermula setelah Kementerian Kebajikan Sosial ditubuhkan pada tahun 1964. Kini kementerian ini dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pihak kementerian yang telah menyedari gejala sosial, tekanan hidup, perubahan sistem sosial, dan keruntuhan sistem kekeluargaan yang berlaku dalam masyarakat memerlukan penyelesaian agar masyarakat mampu mencapai kefungsiannya (Fuziah dan Abd Razak 2001). Oleh sebab itu, profesion kerja sosial mula mendapat perhatian. Kini praktis kerja sosial profesional telah mula

dijalankan dalam pelbagai *setting* di Malaysia. Antaranya praktis kerja sosial pada *setting* kebajikan, perubatan, jenayah, dan komuniti. Walaupun belum ada penempatan pekerja sosial sekolah di Malaysia, namun telah diwujudkan satu unit dibawah Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu Unit Kebajikan Sekolah (Amna *et al.* 2003: Adi Fahrudin 2000). Unit ini telah membantu pelajar yang terlibat dengan gejala ponteng sekolah, keciciran akademik, penyalahgunaan dadah, kelakuan antisosial, pelajar yang tidak terkawal, dan pelajar yang terlibat dalam kes penderaan. Di samping itu, unit ini juga telah terlibat membantu pelajar menyesuaikan diri dan meyeimbangkan keperluan antara persekitaran sekolah, dan rumah. Amna *et al.* (2003) menyatakan proses bantuan yang diberikan oleh unit ini hanya merangkumi sebilangan kecil jumlah pelajar yang terlibat dengan masalah sosial. Jumlah pelajar yang ramai di seluruh negeri dilihat adalah kekangan utama bagi unit ini dalam memberi bantuan kepada pelajar bermasalah. Akhirnya, pada tahun 1998, unit ini telah dibubarkan dan proses membantu pelajar sekolah yang bermasalah telah diberikan sepenuhnya kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pengambil alihan tugas menyelesaikan masalah sosial pelajar oleh pihak KPM menyebabkan proses bantuan yang diberikan kepada pelajar bermasalah beralih peranan kepada tugas kaunselor sekolah dan guru disiplin dengan kerjasama pihak polis serta Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

### **Konsep dan objektif kerja sosial sekolah**

Secara umumnya pekerja sosial membantu pihak sekolah dalam menangani masalah sosial yang mengganggu proses pembelajaran (Bye, Shepard, Partridge, Alvarez 2009: Amna *et al.* 2003). Pekerja sosial sekolah menyampaikan perkhidmatan kepada individu, keluarga, kumpulan, komuniti dan sistem yang mempunyai kaitan dengan perkembangan sekolah itu sendiri. Menurut Skidmore (1997), seseorang pekerja sosial itu boleh bekerjasama dengan lapisan aktor-aktor sosial yang mempunyai perkaitan dengan perkembangan sistem sekolah. Pekerja sosial sekolah berperanan memberi pengetahuan dan kemahiran yang unik untuk digunapakai dalam sistem persekolahan. Tugas pekerja sosial di sekolah ini bukan sahaja dari aspek perkembangan kefungsiian sosial pelajar semata-mata tetapi turut memberi bantuan untuk perkembangan sistem sekolah atau pendidikan (Allen, Washington, dan Welsh 2000).

School Social Work Association of America (2005) menggariskan tugas pekerja sosial sekolah adalah untuk memenuhi misi akademik yang melibatkan pelajar, keluarga, dan masyarakat sekelilingnya. Misi akademik merangkumi sistem atau program-program yang dijalankan oleh pihak sekolah bagi membantu pelajar bermasalah. Shaffer (2006) berpendapat pihak sekolah dianggap gagal menjalankan kefungsiannya apabila pelajar tidak dapat mengupayakan diri dengan program sekolah. Oleh itu, pekerja sosial sekolah akan membantu pelajar mencapai kefungsiannya sama ada dari segi mata pelajaran, hubungan dengan guru dan rakan, keluarga, masyarakat, persekitaran sekeliling, dan sistem atau program-program yang disediakan oleh pihak sekolah.

Secara umumnya objektif kerja sosial sekolah adalah memperbaiki atau mengembalikan kefungsiian sosial pelajar ke tahap maksima dan lebih berkualiti dengan turut memberi perhatian kepada persekitaran yang berupaya mengancam kesejahteraan pelajar seperti faktor keluarga, rakan, guru, dan komuniti. Amna *et al.* (2003) menggariskan empat objektif kerja sosial sekolah. Pertama, meningkatkan kemampuan penyelesaian masalah yang melibatkan pelajar di sekolah. Pekerja sosial

sekolah perlu memainkan pelbagai peranan bagi bertindak balas dengan masalah yang dihadapi oleh pelajar. Pekerja sosial sekolah perlu bertindak sebagai *enabler*, *counsellor*, *facilitator* atau *educator*. Penyelesaian masalah oleh pekerja sosial diperingkat ini melibatkan pelajar, keluarga, guru, dan rakan sebaya.

Kedua, pekerja sosial sekolah bertindak sebagai *broker* iaitu menghubungkan individu dengan sumber-sumber lain yang mampu membantu individu untuk mencapai kefungsiannya. Masalah yang dihadapi pelajar itu mungkin melibatkan sumber di luar bidang pendidikan. Unikunya, pekerja sosial sekolah boleh membantu menghubungkan bukan sahaja pelajar, malah keluarga pelajar dengan sumber-sumber penyelesaian masalah yang wujud. Contohnya, pekerja sosial sekolah boleh menyalurkan maklumat kepada keluarga pelajar yang menghadapi masalah kemiskinan berkenaan bantuan-bantuan yang boleh diperolehi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) agar keluarga tersebut mampu mencapai kefungsiannya.

Ketiga dan keempat menjurus kepada kefungsi sistem pendidikan dan polisi pendidikan. Pekerja sosial sekolah bertindak sebagai *advocater* iaitu meningkatkan keberkesanan sesuatu sistem pendidikan itu. Contohnya, pekerja sosial sekolah boleh menjalankan penilaian terhadap keberkesanan yang dimainkan oleh Unit Disiplin dalam menangani masalah ponteng sekolah. Pekerja sosial sekolah yang juga bertindak sebagai *researcher* dipercayai mampu meningkatkan keberkesanan sesuatu sistem yang dijalankan oleh pihak pendidikan menerusi penyelidikan yang dijalankan.

## Metodologi kajian

### *Reka Bentuk Kajian*

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan deskriptif dengan pengedaran borang soal selidik kepada responden.

### *Prosedur persampelan*

Populasi kajian ini terdiri daripada 40 orang guru dan 45 orang pelajar tingkatan empat yang di pilih secara rawak mudah. Pengedaran borang soal selidik kepada guru dan pelajar sebagai responden telah dilakukan oleh guru penolong kanan sekolah. Pengkaji telah menerangkan kepada guru tersebut ciri-ciri responden yang diperlukan. Kajian telah dijalankan di beberapa Sekolah Menengah Kebangsaan di Georgetown, Pulau Pinang.

### *Penganalisan Data*

Penganalisan data dilakukan dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Pengkaji telah memasukkan data dengan menggunakan SPSS yang melibatkan statistik deskriptif iaitu peratusan atau frekuensi untuk memerihalkan data. Analisis kuantitatif adalah bersifat *numeric* (bernombor), hasil daripada analisis ini telah dinyatakan dalam bentuk jadual silang.

## Hasil kajian dan perbincangan

### *Sosioekonomi guru dan pelajar*

Kajian ini melibatkan seramai 40 orang guru. Sebanyak 62.5 peratus guru terdiri daripada mereka yang berjawatan seperti ketua unit, ketua panitia dan kaunselor. Peringkat umur

yang terlibat dalam kajian ini rata-rata antara 26 hingga 35 tahun. Seterusnya sebanyak 65 peratus terdiri daripada guru perempuan. Tempoh perkhidmatan guru lebih ramai terlibat dalam kajian di sekolah ini adalah mereka yang telah berkhidmat 10 tahun ke atas iaitu sebanyak 40 peratus. Manakala tahap pendidikan guru yang terlibat dalam kajian ini merupakan mereka yang mempunyai ijazah sarjana muda. Guru-guru yang terlibat dalam kajian ini juga turut membantu pelajar bermasalah di sekolah.

Kajian ini juga melibatkan seramai 45 orang pelajar di tingkatan empat. Sebanyak 54.5 peratus merupakan pelajar perempuan dan 56.8 peratus pelajar adalah berbangsa Cina. Pelajar dalam kajian ini juga sebanyak 20 peratus pernah terlibat dengan sesi kaunseling. Dari segi pendidikan ibu bapa pelajar adalah pada tahap rendah. Manakala dari segi pekerjaan ibu bapa pelajar adalah bekerja sendiri. Pendapatan ahli keluarga sebanyak 36.7 peratus antara RM2000-3000 dan kos kediaman adalah sederhana. Sebanyak 46.7 peratus bilangan ahli keluarga pelajar adalah seramai dua orang adik beradik.

#### *Tahap Pengetahuan Guru dan Pelajar Terhadap Intervensi Kerja Sosial Sekolah*

Pengkaji telah menyenaraikan 56 peranan yang dimainkan oleh pekerja sosial dan kaunselor sekolah berdasarkan literatur. Berdasarkan 56 peranan, responden perlu memilih sama ada peranan yang dimainkan itu dilakukan oleh guru, kaunselor atau pekerja sosial. Oleh itu, bagi mengukur tahap pengetahuan responden, pengkaji telah melakukan dua cara penganalisaan data iaitu pertama, sama ada responden tahu, tidak tahu atau tidak pasti terhadap peranan yang dimainkan. Kedua, pengkaji telah membahagikan kepada tujuh skala:

- i. Guru sahaja
- ii. Kaunselor sahaja
- iii. Pekerja sosial sahaja
- iv. Guru, kaunselor, dan pekerja sosial
- v. Guru dan kaunselor
- vi. Guru dan pekerja sosial
- vii. Kaunselor dan pekerja sosial

Oleh itu, dapat dikenal pasti kecenderungan responden untuk memilih peranan-peranan yang disediakan berdasarkan tujuh skala tersebut.

Jadual 1.1 Meningkatkan keupayaan pelajar untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
1.Meningkatkan keupayaan pelajar untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi	Guru	Tidak tahu	82.5
	Pelajar	Tidak tahu	93.3

Peranan untuk meningkatkan keupayaan pelajar bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi pelajar merupakan tanggungjawab pekerja sosial. Namun, kumpulan guru memilih peranan ini dimainkan oleh guru dan kaunselor manakala pelajar lebih cenderung memilih peranan ini dimainkan oleh kaunselor sahaja menyebabkan tahap pengetahuan pelajar lebih tinggi tidak tahu berbanding guru. Hal ini disebabkan bagi kumpulan guru dan pelajar, hanya kaunselor sekolah sahaja yang memainkan peranan dalam membantu pelajar untuk menyelesaikan masalah di sekolah. Berdasarkan

peranan ini dapat diketahui bahawa kedua-dua kumpulan tidak mengetahui peranan pekerja sosial yang mampu mengupayakan pelajar berikutan pekerja sosial belum ditempatkan di sekolah.

Jadual 1.2 *Membantu mengubah tingkah laku pelajar*

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
2.Membantu mengubah tingkah laku pelajar	Guru	Tidak pasti	80
	Pelajar	Tidak pasti	60

Peranan membantu mengubah tingkah laku pelajar dimainkan oleh kaunselor dan pekerja sosial. Namun, bagi kumpulan guru memilih peranan ini dimainkan oleh guru dan kaunselor, berbeza dengan pelajar memilih peranan ini dimainkan oleh guru sahaja. Dapat diketahui bahawa peranan ini dikatakan peranan guru juga berikutan guru mempunyai lebih banyak masa dengan pelajar di kelas. Oleh itu, bagi membantu pelajar mengubah tingkah laku mereka, mereka merasakan guru perlu memainkan peranan tersebut. Sapora (2010) ada menyatakan bahawa kebanyakan proses bantuan yang diberikan kepada pelajar bermasalah perlunya tindakan kolektif guru di kelas. Dapat diketahui responden tidak dapat mengenal pasti peranan pekerja sosial berikutan peranan ini telah dimainkan oleh kaunselor dengan kerjasama guru di kelas.

Jadual 1.3 *Membantu pelajar mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan*

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
3.Membantu pelajar mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan	Guru	Tidak tahu	52.2
	Pelajar	Tidak tahu	62.2

Membantu pelajar mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan seharusnya dimainkan oleh pekerja sosial. Bagi kumpulan guru, peranan ini dimainkan oleh guru dan kaunselor. Namun pelajar pula memilih tugas ini sebagai peranan guru. Didapati kedua-dua responden tidak memilih peranan ini sebagai peranan pekerja sosial sebaliknya memilih peranan ini dimainkan oleh pihak guru. Adi Fahrudin (2000) ada menyatakan bahawa peranan ini merupakan peranan pekerja sosial berikutan kemampuan pekerja sosial untuk mengenal pasti perkhidmatan yang diperlukan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah pelajar di sekolah. Namun dapatan kajian menunjukkan responden tidak tahu akan peranan tersebut dimainkan oleh pekerja sosial sebaliknya memilih peranan tersebut dimainkan oleh guru. Sapora (2010) menyatakan bahawa guru mampu bekerjasama dengan kaunselor dalam membantu pelajar bermasalah membuatkan responden tidak memilih peranan ini dimainkan oleh pekerja sosial kerana guru dan kaunselor boleh memainkan peranan tersebut.

Jadual 1.4 *Membantu pelajar membuat keputusan*

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
4.Membantu pelajar membuat keputusan	Guru	Tidak pasti	37.5
	Pelajar	Tahu	46.7

Peranan bagi membantu pelajar membuat keputusan merupakan peranan kaunselor sekolah. Didapati pelajar dapat mengetahui bahawa ini merupakan peranan

kaunselor sekolah. Bagi kumpulan guru pula, tidak pasti merupakan peratusan yang tertinggi tetapi tidak jauh berbeza dengan jumlah peratusan tahu iaitu sebanyak 32.5 peratus. Walau bagaimanapun, kecenderungan pihak guru memilih peranan ini sebagai peranan kaunselor sekolah. Zuraimy, Mohd Najib, dan Mohamed Sharif (2008) telah menyatakan bahawa tugas kaunselor sekolah sememangnya membantu pelajar untuk membuat keputusan. Walaupun kumpulan guru menunjukkan tidak pasti sebagai peratusan tertinggi namun kumpulan guru masih memilih peranan tersebut dimainkan oleh kaunselor. Hal ini berikutan kumpulan guru merasakan peranan ini turut dimainkan oleh guru di kelas memandangkan satu per tiga masa pelajar adalah bersama guru di kelas (Allen *et al.* 2000).

Jadual 1.5 *Menghubungkan pelajar dengan sumber di sekolah*

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
5.Menghubungkan pelajar dengan sumber di sekolah (contoh, program pencegahan dadah di sekolah)	Guru	Tidak pasti	80
	Pelajar	Tidak pasti	57.8

Peranan menghubungkan pelajar dengan sumber di sekolah dimainkan oleh kaunselor sekolah dan pekerja sosial. Didapati kedua-dua kumpulan responden tidak pasti dengan peranan ini. Bagi guru dan pelajar, peranan ini adalah dimainkan oleh kaunselor sahaja. Hal ini berikutan, pengetahuan kumpulan responden bahawa penyediaan program di sekolah adalah hanya dilakukan oleh kaunselor sekolah, sedangkan pekerja sosial juga memainkan peranan ini.

Jadual 1.6 *Menghubungkan pelajar dengan sumber di luar sekolah*

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
6.Menghubungkan pelajar dengan sumber di luar sekolah (contoh, program jabatan kebajikan masyarakat)	Guru	Tidak tahu	52.2
	Pelajar	Tidak tahu	75.6

Peranan menghubungkan pelajar dengan sumber luar sekolah pula merupakan tanggungjawab pekerja sosial. Dapatan menunjukkan kedua-dua kumpulan adalah tidak tahu. Malah kumpulan pelajar mempunyai peratusan tidak tahu lebih tinggi. Bagi pelajar mereka merasakan peranan ini dimainkan oleh guru manakala bagi kumpulan guru, peranan ini dirasakan dimainkan oleh kaunselor sahaja. Penilaian berdasarkan peranan ini, kumpulan pelajar mampu membezakan proses pertolongan antara kaunselor dengan pekerja sosial, berbanding kumpulan guru, mereka cenderung memilih proses pertolongan ini dimainkan oleh kaunselor. Hal ini bercanggah dengan Amna *et al.* (2003) yang telah menyatakan hanya pekerja sosial sahaja yang mampu menghubungkan pelajar dengan sumber-sumber bantuan luar sekolah. Namun begitu, keterbatasan tugas kaunselor menunjukkan perlunya peranan pekerja sosial (Zuraimy, Mohd Najib, dan Mohamed Sharif 2008). Hal ini jelas menunjukkan kumpulan responden tidak mengetahui peranan pekerja sosial di sekolah.

Jadual 1.7 Membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran di sekolah

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
7. Membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran di sekolah	Guru	Tidak pasti	50
	Pelajar	Tidak tahu	62.7

Peranan membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran di sekolah seharusnya dimainkan oleh kaunselor sekolah. Bagi guru, peratusan tertinggi menunjukkan tidak pasti manakala pelajar tidak tahu. Dapatan menunjukkan guru dan pelajar lebih cenderung memilih peranan ini dimainkan oleh guru. Hal ini berikutan persekitaran yang selesa di sekolah adalah bergantung kepada guru yang mengajar di kelas. Leyba (2010) ada menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pelajar bermasalah dengan pengajaran guru di kelas. Oleh itu dapat dikenal pasti bagi guru dan pelajar merasakan peranan ini sepatutnya dimainkan oleh guru sahaja dan bukan kaunselor mahupun pekerja sosial.

Jadual 1.8 Membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran di luar sekolah

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
8. Membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran di luar sekolah	Guru	Tidak pasti	75
	Pelajar	Tidak pasti	64.4

Membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran di luar sekolah merupakan peranan kaunselor sekolah dan pekerja sosial. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan tidak pasti. Bagi kumpulan guru, mereka menganggap ini merupakan tugas pekerja sosial sahaja manakala kumpulan pelajar menganggap tugas ini sebagai peranan kaunselor sahaja. Dapat dikenal pasti bahawa kedua-dua kumpulan responden dapat mengetahui bahawa peranan ini dimainkan oleh kaunselor dan pekerja sosial, walau bagaimanapun responden tidak memilih kedua-dua profesion sebaliknya hanya memilih salah satu iaitu sama ada kaunselor atau pekerja sosial.

Jadual 1.9 Membantu pelajar untuk memilih pekerjaan yang sesuai dengan kebolehan mereka

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
9. Membantu pelajar untuk memilih pekerjaan yang sesuai dengan kebolehan mereka	Guru	Tahu	57.5
	Pelajar	Tidak tahu	53.3

Kaunselor sekolah memainkan peranan untuk membantu pelajar memilih pekerjaan yang sesuai dengan kebolehan mereka. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan tahap pengetahuan antara kedua-dua kumpulan iaitu bagi guru mereka mengetahui peranan ini dimainkan oleh kaunselor, tetapi bagi kumpulan pelajar mereka tidak mengetahui. Walau bagaimanapun, sebanyak 42.2 peratus pelajar tahu bahawa peranan ini dimainkan oleh kaunselor sekolah. Sapora (2010) ada menggariskan tugas kaunselor sekolah juga adalah turut membantu pelajar untuk memilih pekerjaan yang sesuai dengan kebolehan pelajar.



Jadual 1.10 Membantu pelajar memahami diri sendiri

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
10.Membantu pelajar memahami diri sendiri	Guru	Tahu	40
	Pelajar	Tahu	55.6

Peranan membantu pelajar memahami diri sendiri adalah dimainkan oleh kaunselor sekolah sahaja. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan tahu akan peranan ini dimainkan oleh kaunselor sekolah. Hal ini sama seperti dinyatakan oleh Sapora (2010) bahawa peranan tersebut merupakan peranan kaunselor dan kedua-dua kumpulan responden mengetahuinya.

Jadual 1.11 Mengenal pasti pelajar yang memerlukan pertolongan khas

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
11.Mengenal pasti pelajar yang memerlukan pertolongan khas. Contohnya, krisis intervensi (kematian, penyakit)	Guru	Tidak pasti	65
	Pelajar	Tidak pasti	62.8

Bagi mengenal pasti pelajar yang memerlukan pertolongan khas, kaunselor sekolah dan pekerja sosial perlu memainkan peranan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan adalah tidak pasti. Bagi guru dan pelajar, peranan ini hanya dimainkan oleh kaunselor sekolah sedangkan pekerja sosial juga terlibat dalam krisis intervensi ini dalam membantu pelajar bermasalah. Hal ini berbeza dengan dapatan kajian Feldman (2010) yang menunjukkan kemampuan responden untuk memilih kaunselor dan pekerja sosial untuk memainkan peranan ini. Berdasarkan penilaian oleh sebab pekerja sosial belum mendapat tempat di sekolah memperlihatkan kesukaran responden untuk mengenal pasti peranan ini turut dimainkan oleh pekerja sosial berbanding di barat pekerja sosial sudah mendapat tempat dan responden mampu membezakan peranan antara kaunselor dan pekerja sosial dalam menjalankan peranan seperti jadual 1.11.

Jadual 1.12 Mengenal pasti kemerosotan disiplin pelajar

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
12.Mengenal pasti kemerosotan disiplin pelajar	Guru	Tidak pasti	52.2
	Pelajar	Tidak tahu	71.1

Peranan untuk mengenal pasti kemerosotan disiplin pelajar adalah dimainkan oleh kaunselor sekolah. Bagi kumpulan guru, tidak pasti merupakan peratusan tertinggi manakala bagi pelajar tidak tahu merupakan peratusan tertinggi bagi peranan ini. Dapatan kajian menunjukkan guru menganggap tugas ini adalah peranan guru dan kaunselor manakala pelajar menganggap tugas ini dimainkan oleh guru sahaja. Berdasarkan penilaian dapat diketahui bahawa kumpulan guru mampu memainkan peranan tersebut dan tidak hanya bergantung kepada kaunselor sahaja begitu juga dengan kumpulan pelajar. Sapora (2010) ada menyatakan bahawa guru di kelas sememangnya memainkan peranan penting untuk mengenal pasti kemerosotan disiplin

pelajar berdasarkan kelakuan pelajar di kelas dan merujuknya kepada kaunselor. Oleh sebab itu, responden menganggap peranan ini juga merupakan peranan guru.

Jadual 1.13 Mengenal pasti pelajar yang memerlukan perkhidmatan bantuan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi pelajar

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
13.Mengenal pasti pelajar yang memerlukan perkhidmatan bantuan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi pelajar.	Guru	Tidak tahu	70
	Pelajar	Tidak tahu	84.4

Peranan mengenal pasti pelajar yang memerlukan perkhidmatan bantuan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi pelajar adalah dimainkan oleh pekerja sosial. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan tidak tahu akan peranan ini dimainkan oleh pekerja sosial. Bagi kumpulan guru, mereka cenderung memilih peranan ini sebagai peranan yang dimainkan oleh guru dan kaunselor. Manakala kumpulan pelajar memilih peranan ini sebagai peranan kaunselor sahaja. Dapat diketahui bahawa responden tidak dapat mengenal pasti tugas ini sebagai tugas pekerja sosial sebaliknya memilih guru dan kaunselor berikutan pekerja sosial belum ditempatkan (Amna 2000).

Jadual 1.14 Memberi perkhidmatan lanjutan kepada pelajar yang memerlukan

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
14.Memberi perkhidmatan lanjutan kepada pelajar yang memerlukan. Contohnya, kaunseling individu yang melalui banyak fasa	Guru	Tidak pasti	87.5
	Pelajar	Tidak pasti	77.8

Kaunselor sekolah dan pekerja sosial juga memainkan peranan untuk memberi perkhidmatan lanjutan kepada pelajar yang memerlukan. Guru dan pelajar didapati tidak pasti dengan peranan ini. Bagi kedua-dua kumpulan mereka menganggap peranan ini hanya dimainkan oleh kaunselor sahaja. Kelly dan Stone (2009) dalam kajiannya menunjukkan pekerja sosial sering memainkan peranan ini dalam membantu pelajar di sekolah. Hal ini menunjukkan pekerja sosial juga mampu memainkan peranan ini, namun oleh sebab belum ada penempatan pekerja sosial di sekolah, kumpulan responden hanya memilih kaunselor sahaja untuk memainkan peranan seperti jadual 1.14.

Jadual 1.15 Membantu pelajar meminati bidang akademik yang diceburi

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
15.Membantu pelajar meminati bidang akademik yang diceburi	Guru	Tidak pasti	60
	Pelajar	Tidak tahu	57.8

Peranan bagi membantu pelajar meminati bidang akademik yang diceburi adalah dimainkan oleh kaunselor dan pekerja sosial. Dapatan kajian menunjukkan kumpulan guru tidak pasti manakala pelajar tidak tahu merupakan peratusan tertinggi. Berdasarkan penilaian yang dilakukan, kumpulan guru lebih cenderung memilih guru

dan kaunselor memainkan peranan ini manakala pelajar memilih guru sahaja untuk memainkan peranan ini. Didapati kumpulan responden cenderung memilih peranan ini sebagai peranan guru berikutan pengajaran di kelas adalah dikendalikan oleh guru. Oleh itu, bagi responden peranan ini perlu dimainkan oleh guru yang seharusnya membantu pelajar untuk meminati akademik yang dipelajari di kelas.

Jadual 1.16 Menolong proses penyampaian maklumat

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
16.Menolong proses penyampaian maklumat	Guru	Tidak tahu	62.5
	Pelajar	Tidak tahu	80

Peranan menolong penyampaian maklumat adalah dimainkan oleh pekerja sosial. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan tidak tahu bahawa peranan tersebut merupakan peranan pekerja sosial. Kecenderungan kedua-dua kumpulan memilih guru sahaja sebagai memainkan peranan ini. Amna *et al.* (2003) ada menyatakan bahawa pekerja sosial perlu bertindak sebagai *broker* namun responden tidak memilih pekerja sosial untuk memainkan peranan ini berikutan pekerja sosial belum ditempatkan di sekolah.

Jadual 1.17 Menyebarkan maklumat penyelesaian masalah kepada pelajar

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
17.Menyebarkan maklumat penyelesaian masalah kepada pelajar	Guru	Tidak pasti	42.5
	Pelajar	Tahu	46.7

Menyebarkan maklumat penyelesaian masalah kepada pelajar merupakan peranan kaunselor sekolah sahaja. Namun, berbeza dengan dapatan kajian yang menunjukkan kumpulan guru adalah tidak pasti sebaliknya kumpulan pelajar tahu akan peranan ini dimainkan oleh kaunselor. Kumpulan guru lebih cenderung memilih peranan ini sebagai peranan guru dan kaunselor dan bukan kaunselor sahaja. Bagi guru, peranan ini mampu dilaksanakan oleh guru di kelas dan tidak hanya fokus kepada kaunselor sahaja (Sapora 2010).

Jadual 1.18 Mengenal pasti kumpulan pelajar yang memerlukan bantuan pendidikan

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
18.Mengenal pasti kumpulan pelajar yang memerlukan bantuan pendidikan	Guru	Tidak pasti	67.5
	Pelajar	Tidak pasti	51.1

Peranan untuk mengenal pasti kumpulan pelajar yang memerlukan bantuan pendidikan merupakan tanggungjawab kaunselor dan pekerja sosial. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan adalah tidak pasti. Bagi kumpulan guru, mereka menganggap peranan ini dimainkan oleh guru dan kaunselor manakala pelajar memilih guru sahaja yang memainkan peranan ini. Didapati kumpulan responden cenderung memilih peranan ini sebagai peranan guru kerana guru mempunyai lebih banyak masa bersama pelajar dalam kelas. Oleh sebab itu, bagi kumpulan responden peranan ini perlu dimainkan oleh guru dan bukan sahaja kaunselor mahupun pekerja sosial.

Jadual 1.19 Pencegahan dadah di sekolah

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
19.Pencegahan dadah di sekolah	Guru	Tidak pasti	42.5
	Pelajar	Tidak tahu	51.1

Pencegahan dadah di sekolah merupakan tanggungjawab kaunselor sekolah. Bagi kumpulan guru, tidak pasti merupakan peratusan tertinggi, walau bagaimanapun sebanyak 40 peratus kumpulan guru tahu akan peranan ini dimainkan oleh kaunselor sekolah. Manakala bagi kumpulan pelajar, tidak tahu merupakan peratusan tertinggi. Kecenderungan kedua-dua kumpulan memilih peranan ini merupakan tanggungjawab kaunselor. Walaupun tahap pengetahuan responden masih pada tahap tidak pasti dan tidak tahu, namun kecenderungan responden untuk memilih kaunselor untuk memainkan peranan ini menunjukkan responden tahu akan peranan tersebut perlu dimainkan oleh kaunselor.

Jadual 1.20 kaedah meningkatkan motivasi pelajar, maklumat kepada ibu bapa, dan Penghubung antara sekolah dengan keluarga

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
20.Mengenal pasti kaedah meningkatkan motivasi pelajar	Guru	Tidak tahu	75
	Pelajar	Tidak tahu	86.7
21.Menyampaikan maklumat kepada ibu bapa mengenai sesuatu isu sosial	Guru	Tidak tahu	67.5
	Pelajar	Tidak tahu	77.8
22.Penghubung antara sekolah dengan keluarga	Guru	Tidak tahu	67.5
	Pelajar	Tidak tahu	75.6

Peranan-peranan dalam jadual 1.20 merupakan tanggungjawab pekerja sosial. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan tidak tahu akan peranan tersebut dimainkan oleh pekerja sosial. Kecenderungan kumpulan pelajar memilih peranan ini adalah sebagai tanggungjawab guru. Manakala bagi kumpulan guru, kecenderungan mereka memilih peranan ini sebagai tanggungjawab kaunselor sahaja. Berdasarkan penilaian dapat diketahui bahawa kedua-dua kumpulan responden tidak tahu peranan pekerja sosial di sekolah sebaliknya hanya memilih guru dan kaunselor berikutan kelemahan tahap pengetahuan responden berkenaan tugas pekerja sosial di sekolah. Responden sering memilih peranan ini dimainkan oleh guru dan kaunselor kerana mereka merasakan guru dan kaunselor mampu menjalankan peranan tersebut. Sapura (2010) ada menyatakan kaunselor mampu bekerjasama dengan individu dan keluarga pelajar tersebut.

Jadual 1.21 Menyebarkan maklumat penyelesaian masalah kepada keluarga

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
23.Menyebarkan maklumat penyelesaian masalah kepada keluarga	Guru	Tidak pasti	77.5
	Pelajar	Tidak pasti	51.1

Peranan untuk menyebarkan maklumat penyelesaian masalah kepada keluarga merupakan tanggungjawab kaunselor dan pekerja sosial. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan responden tidak pasti. Bagi kumpulan guru peranan ini merupakan peranan yang dimainkan oleh kaunselor sahaja. Berbeza dengan kumpulan pelajar yang menganggap peranan ini dimainkan oleh guru sahaja. Kumpulan guru memilih peranan ini sebagai peranan kaunselor kerana mereka mempunyai pengetahuan bahawa proses penyampaian maklumat penyelesaian masalah kepada keluarga sememangnya dilakukan oleh kaunselor. Berbeza dengan pelajar mereka menganggap peranan ini dimainkan oleh guru berikutan setiap semester ibu bapa akan datang ke sekolah untuk berbincang dengan guru kelas mengenai keputusan peperiksaan anak mereka. Oleh itu, bagi kumpulan pelajar situasi ini merupakan proses penyampaian maklumat penyelesaian masalah kepada ibu bapa pelajar.

Jadual 1.22 Mendorong minat ibu bapa pelajar terhadap kehidupan sekolah anak mereka

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
24.Mendorong minat ibu bapa pelajar terhadap kehidupan sekolah anak mereka	Guru	Tidak tahu	60
	Pelajar	Tidak tahu	86.7

Mendorong minat ibu bapa pelajar terhadap kehidupan sekolah anak mereka merupakan tanggungjawab pekerja sosial sahaja. Dapatan menunjukkan kedua-dua kumpulan tidak tahu. Bagi kumpulan guru tanggungjawab ini dimainkan oleh guru dan kaunselor manakala pelajar menganggap peranan ini dimainkan oleh guru sahaja. Berdasarkan penilaian kedua-dua kumpulan tidak memilih peranan ini sebagai peranan pekerja sosial sedangkan tanggungjawab pekerja sosial bagi menghubungkan keluarga dengan kehidupan anak di sekolah. Hal ini berikutan belum ada penempatan pekerja sosial membuatkan responden cenderung memilih peranan-peranan tersebut sebagai peranan guru dan kaunselor.

Jadual 1.23 Membantu ibu bapa untuk menerima kemampuan dan minat anak mereka

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
25.Membantu ibu bapa untuk menerima kemampuan dan minat anak mereka	Guru	Tidak pasti	67.5
	Pelajar	Tidak tahu/ tidak pasti	48.9

Peranan untuk membantu ibu bapa menerima kemampuan dan minat anak mereka merupakan tanggungjawab kaunselor dan pekerja sosial. Bagi kedua-dua kumpulan peratusan tertinggi adalah tidak pasti. Namun, bagi kumpulan pelajar tidak tahu merupakan peratusan tertinggi juga. Tanggapan kedua-dua kumpulan responden adalah berbeza terhadap peranan ini, bagi kumpulan guru peranan ini dianggap tanggungjawab guru dan kaunselor manakala bagi kumpulan pelajar menganggap peranan ini sebagai peranan guru sahaja. Didapati responden cenderung memilih peranan ini sebagai peranan guru mahupun kaunselor kerana guru dan kaunselor di sekolah sering bekerjasama dalam membantu pelajar di sekolah. Guru kelas juga dipertanggungjawabkan untuk bertemu dengan ibu bapa pelajar bermasalah di sekolah (Sapora 2010). Walau bagaimanapun, hal ini membuatkan responden tidak cenderung memilih kaunselor sahaja atau pekerja sosial untuk memainkan peranan ini.

Jadual 1.24 Membantu ibu bapa memahami prosedur-prosedur dan dasar-dasar sekolah

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
26.Membantu ibu bapa memahami prosedur-prosedur dan dasar-dasar sekolah	Guru	Tidak tahu	70
	Pelajar	Tidak tahu	80

Peranan membantu ibu bapa memahami prosedur-prosedur dan dasar-dasar sekolah merupakan tanggungjawab pekerja sosial. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan tidak tahu. Bagi kumpulan guru, mereka menganggap ini adalah tugas guru dan kaunselor manakala kumpulan pelajar pula menganggap peranan ini adalah tanggungjawab kaunselor sahaja. Hal ini jelas menunjukkan bahawa responden tidak tahu akan peranan pekerja sosial di sekolah. kecenderungan responden untuk memilih peranan ini dimainkan oleh guru dan kaunselor kerana bagi mereka hanya guru dan kaunselor mampu melaksanakan tugas tersebut berikutan pekerja sosial belum ditempatkan di sekolah.

Jadual 1.25 Memberitahu ibu bapa mengenai masalah-masalah yang dialami anak mereka

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
27.Memberitahu ibu bapa mengenai masalah-masalah yang dialami anak mereka	Guru	Tidak pasti	75
	Pelajar	Tidak tahu	51.1

Memberitahu ibu bapa mengenai masalah-masalah yang dialami anak mereka merupakan peranan yang dimainkan oleh kaunselor dan pekerja sosial. Dapatan kajian menunjukkan kumpulan guru tidak pasti manakala kumpulan pelajar tidak tahu sebagai peratusan tertinggi. Tanggapan kumpulan guru terhadap peranan ini adalah merupakan tanggungjawab guru dan kaunselor. Berbeza dengan kumpulan pelajar yang menganggap peranan ini hanya dimainkan oleh guru. Hal ini sama dengan peranan ke-23 pada jadual 1.21. Bagi kumpulan pelajar mereka menganggap tugas ini sebagai peranan guru berikutan setiap semester ibu bapa akan berjumpa dengan guru kelas untuk membincangkan perkembangan akademik anak mereka. Oleh itu, responden menganggap pada sesi tersebut guru mampu memainkan peranan pada jadual 1.25.

Jadual 1.26 Melakukan lawatan ke rumah ibu bapa pelajar yang bermasalah

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
28.Melakukan lawatan ke rumah ibu bapa pelajar yang bermasalah	Guru	Tidak tahu	57.5
	Pelajar	Tidak tahu	91.1

Peranan melakukan lawatan ke rumah ibu bapa pelajar yang bermasalah merupakan tanggungjawab pekerja sosial sahaja. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan tidak tahu. Bagi kumpulan pelajar menganggap peranan ini merupakan tanggungjawab guru sahaja. Sebaliknya bagi kumpulan guru terdapat dua anggapan yang menunjukkan peratusan yang sama iaitu sebanyak 27.5 peratus merupakan peranan kaunselor dan pekerja sosial. Berdasarkan penilaian kumpulan guru mampu mengenal pasti peranan ini sebagai peranan pekerja sosial berbeza kumpulan pelajar yang tidak memilih pekerja sosial untuk memainkan peranan ini sebaliknya memilih guru. Hal ini berikutan pengetahuan responden bahawa guru dan kaunselor mampu

menjalankan peranan tersebut. Sapora (2010) ada menyatakan bahawa guru dan kaunselor mampu bekerjasama untuk mengadakan sesi lawatan ke rumah ibu bapa pelajar namun ianya tidak dilaksanakan berikutan kekangan prosuder-prosuder yang perlu dilalui oleh pihak guru untuk melibatkan keluarga pelajar (Zuraimey *et al.* 2008). Oleh sebab kurangnya pengetahuan responden bahawa tanggungjawab pekerja sosial untuk memainkan peranan seperti jadual 1.26 menyebabkan responden cenderung memilih guru dan kaunselor untuk memainkan peranan tersebut.

Jadual 1.27 Peranan kaunselor dan pekerja sosial terhadap ibu bapa pelajar

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
29. Berbincang dengan ibu bapa mengenai perkembangan pembelajaran anak mereka	Guru	Tidak pasti	52.5
	Pelajar	Tidak tahu	55.6
30. Berbincang dengan ibu bapa untuk meningkatkan pemahaman mereka mengenai peranan sebagai ibu bapa	Guru	Tidak pasti	77.5
	Pelajar	Tidak pasti	53.3
31. Bekerjasama dengan ibu bapa untuk menyelesaikan masalah yang oleh pihak sekolah	Guru	Tidak pasti	76.5
	Pelajar	Tidak tahu	57.8

Ketiga-tiga peranan ini merupakan tanggungjawab kaunselor dan pekerja sosial. Bagi kumpulan guru dapatan kajian menunjukkan tidak pasti sebagai peratusan tertinggi. Kumpulan guru menganggap berbincang dengan ibu bapa mengenai perkembangan pembelajaran anak mereka (peranan ke-29) sebagai peranan guru sahaja manakala berbincang dengan ibu bapa untuk meningkatkan pemahaman mereka mengenai peranan sebagai ibu bapa (peranan ke-30) dan bekerjasama dengan ibu bapa untuk menyelesaikan masalah (peranan ke-31) dianggap sebagai peranan guru dan kaunselor. Berbeza dengan kumpulan pelajar, bagi peranan peranan ke-29 dan ke-31 tidak tahu sebagai peratusan tertinggi manakala peranan ke-30 tidak pasti. Kumpulan pelajar menganggap ketiga-tiga peranan ini dimainkan oleh guru sahaja. Amna *et al.* (2003) dalam kajiannya mendapati kaunselor menyatakan perlunya hubungan baik dengan ibu bapa pelajar begitu juga dengan guru. Malah kajian mendapati ketiga-tiga peranan tersebut mampu dijalankan oleh guru mahupun kaunselor. Oleh sebab itu, responden cenderung memilih peranan tersebut sebagai peranan guru mahupun kaunselor. Hal ini menunjukkan tahap pengetahuan responden terhadap peranan pekerja sosial adalah kurang.

Peranan-peranan pada jadual 1.28 merupakan tanggungjawab pekerja sosial sahaja. Adi Fahrudin (2000) menyatakan pekerja sosial perlu kerjasama multidisiplin iaitu bekerjasama dengan pengetua, guru, guru disiplin, kaunselor, keluarga dan lain-lain seperti peranan-peranan pada jadual 1.28. Namun, dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan adalah tidak tahu akan peranan ini merupakan tanggungjawab pekerja sosial. Walau bagaimanapun bagi peranan yang ke-39, kumpulan guru menunjukkan tidak pasti sebagai peratusan tertinggi. Bagi kumpulan guru kecenderungan memilih peranan pada jadual 1.28 adalah peranan guru dan kaunselor sekolah sahaja. Namun, bagi peranan yang ke-39, kumpulan guru juga cenderung memilih pekerja sosial. Berbeza dengan kumpulan pelajar kecenderungan mereka memilih peranan-peranan ini sebagai peranan guru sahaja. Walau bagaimanapun pelajar juga cenderung memilih

Jadual 1.28 Peranan pekerja sosial terhadap keluarga dan multidisiplin di sekolah

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
32.Membantu keluarga pelajar memperoleh sumber-sumber bantuan yang disediakan	Guru	Tidak tahu	57.5
	Pelajar	Tidak tahu	77.8
33.Berunding dengan guru mengenai masalah yang dihadapi pelajar di dalam dan di luar kelas	Guru	Tidak tahu	70
	Pelajar	Tidak tahu	75.6
34.Membantu pentadbiran sekolah melakukan penilaian mengenai masalah pelajar yang perlu ditangani	Guru	Tidak tahu	65
	Pelajar	Tidak tahu	77.8
35.Membantu pihak sekolah meneliti faktor-faktor penyebab masalah yang dihadapi oleh pelajar	Guru	Tidak tahu	67.5
	Pelajar	Tidak tahu	86.4
36.Membantu pihak sekolah mengembangkan pendekatan penyelesaian masalah pelajar secara individu	Guru	Tidak tahu	57.5
	Pelajar	Tidak tahu	86.4
37.Membantu pihak sekolah untuk mengembangkan pendekatan penyelesaian masalah pelajar secara kumpulan	Guru	Tidak tahu	55
	Pelajar	Tidak tahu	73.3
38.Menyediakan latihan kepada pihak sekolah berhubung dengan kesejahteraan pelajar	Guru	Tidak tahu	50
	Pelajar	Tidak tahu	88.9
39.Bekerjasama dengan kakitangan sekolah (pengetua, guru, kaunselor, guru disiplin, pekerja sosial & pekerja pentadbiran) untuk membantu pelajar bermasalah	Guru	Tidak pasti	47.5
	Pelajar	Tidak tahu	66.7

kaunselor sekolah sahaja. Berdasarkan penilaian kumpulan pelajar tidak memilih pekerja sosial untuk memainkan peranan-peranan seperti pada jadual 1.28. Hal ini berikutan belum ada penempatan pekerja sosial telah mempengaruhi pengetahuan responden untuk tidak memilih peranan tersebut dimainkan oleh pekerja sosial. Sebaliknya responden cenderung memilih guru mahupun kaunselor untuk memainkan peranan-peranan tersebut kerana responden merasakan peranan-peranan ini mampu dilakukan oleh guru mahupun kaunselor.

Jadual 1.29 Peranan kaunselor dan pekerja sosial terhadap PIBG dan rakan sebaya di sekolah

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
40.Bekerjasama dengan PIBG dalam melaksanakan program di sekolah	Guru	Tidak pasti	80
	Pelajar	Tidak pasti	55.6
41.Membantu pelajar bermasalah bekerjasama dengan rakan sebaya	Guru	Tidak pasti	77.5
	Pelajar	Tidak pasti	68.9
42.Memupuk minat pelajar agar aktif dalam aktiviti bersama rakan sebaya	Guru	Tidak pasti	72.5
	Pelajar	Tidak tahu	57.8



Peranan-peranan ini merupakan tanggungjawab kaunselor dan pekerja sosial. Dapatan kajian menunjukkan peratusan tertinggi bagi kumpulan guru adalah tidak pasti. Kecenderungan kumpulan guru memilih guru, kaunselor dan pekerja sosial untuk bekerjasama dengan PIBG dalam melaksanakan program di sekolah (peranan ke-40), seterusnya membantu pelajar bermasalah bekerjasama dengan rakan sebaya (peranan ke-41) dan memupuk minat pelajar agar aktif dalam aktiviti bersama rakan sebaya (peranan ke-42) dianggap sebagai peranan kaunselor sahaja. Manakala bagi kumpulan pelajar peratusan tertinggi juga tidak pasti kecuali pada peranan ke-42 tidak tahu. Kecenderungan kumpulan pelajar memilih guru sebagai memainkan peranan seperti dalam jadual 1.29. Hal ini jelas menunjukkan guru mampu membezakan peranan yang dimainkan oleh kaunselor berikutan guru telah memilih kaunselor untuk memainkan peranan tersebut. Berbeza dengan kumpulan pelajar yang cenderung memilih guru sahaja kerana mereka merasakan peranan-peranan tersebut mampu dilaksanakan oleh guru.

Jadual 1.30 Peranan kaunselor terhadap program-program sekolah

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
43.Menyelaras program mentor-mentee sekolah	Guru	Tahu	52.2
	Pelajar	Tahu	42.2
44.Merancang program tahunan yang disediakan pihak sekolah	Guru	Tidak pasti	45
	Pelajar	Tidak tahu	60
45.Menyelaras program motivasi pelajar di sekolah	Guru	Tahu	45
	Pelajar	Tidak tahu	46.7

Ketiga-tiga peranan pada jadual 1.30 ini merupakan tanggungjawab kaunselor sahaja. Dapatan kajian menunjukkan bagi menyelaras program mentor-mentee sekolah (peranan ke-43), kedua-dua kumpulan mengetahui bahawa peranan tersebut merupakan tanggungjawab kaunselor. Manakala merancang program tahunan yang disediakan pihak sekolah (peranan ke-44), bagi kumpulan guru tidak pasti dan kumpulan pelajar tidak tahu. Manakala bagi menyelaras program motivasi pelajar di sekolah (peranan ke-45) menunjukkan perbezaan yang begitu ketara iaitu kumpulan guru tahu manakala kumpulan pelajar tidak tahu bahawa peranan tersebut tanggungjawab kaunselor. Kecenderungan kumpulan guru memilih tanggungjawab terhadap peranan pada jadual 1.30 adalah kaunselor sekolah dan sedikit berbeza dengan pelajar yang cenderung memilih guru untuk memainkan peranan tersebut. Dapat diketahui pelajar agak sukar untuk membezakan antara peranan yang dimainkan oleh kaunselor mahupun guru di kelas. Hal ini dijangkakan kerana kurangnya pengetahuan pelajar terhadap intervensi yang diberikan oleh kaunselor. Hal ini sama dengan Amna *et al.* (2003) dalam laporan penempatan kerja sosial di sekolah telah menunjukkan bahawa pelajar tidak tahu akan fungsi kaunselor sekolah dan kesukaran untuk memperoleh perkhidmatan kaunselor di sekolah. Oleh sebab itu, tahap pengetahuan pelajar terhadap peranan kaunselor juga adalah rendah.

Peranan-peranan dalam jadual 1.31 merupakan tanggungjawab pekerja sosial sahaja. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan tidak tahu akan peranan tersebut merupakan tanggungjawab pekerja sosial. Kecenderungan kumpulan guru memilih peranan-peranan ini adalah kaunselor dan pekerja sosial. Berdasarkan penilaian dapat diketahui bahawa kumpulan guru mampu membezakan antara guru, kaunselor

Jadual 1.31 Peranan pekerja sosial terhadap program di sekolah

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
46.Membantu merangka program komuniti di sekitar sekolah melalui aktiviti-aktiviti sosial seperti bergotong-royong	Guru	Tidak tahu	45
	Pelajar	Tidak tahu	77.8
47.Membantu merancang program kemasyarakatan	Guru	Tidak tahu	45
	Pelajar	Tidak tahu	77.8
48.Menghubungkan organisasi (PIBG, PRS, UBK, Unit Disiplin) dalam sekolah dengan sumber di luar sistem sekolah (Polis, Hospital, JKMM).	Guru	Tidak tahu	42.5
	Pelajar	Tidak tahu	77.1
49.Merumuskan dasar-dasar yang berkaitan dengan kebajikan pelajar	Guru	Tidak tahu	57.5
	Pelajar	Tidak tahu	82.2
50.Menyebarkan maklumat penyelesaian masalah kepada komuniti	Guru	Tidak tahu	37.5
	Pelajar	Tidak tahu	80
51.Berusaha memperbaiki keberkesanan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar	Guru	Tidak tahu	47.5
	Pelajar	Tidak tahu	73.3
52.Memberi penjelasan tentang perkhidmatan kerja sosial di sekolah kepada institusi-institusi sosial lain	Guru	Tidak tahu	40
	Pelajar	Tidak tahu	80
53.Memberi penjelasan mengenai dasar-dasar sekolah yang berhubung dengan kesejahteraan pelajar kepada komuniti	Guru	Tidak tahu	55
	Pelajar	Tidak tahu	75.6

dan pekerja sosial. Berbeza dengan kumpulan pelajar, kecenderungan memilih peranan-peranan seperti jadual 1.31 adalah guru dan kaunselor. Hal ini jelas menunjukkan tahap pengetahuan responden terhadap peranan pekerja sosial adalah kurang. Oleh sebab tahap pengetahuan yang rendah, ini telah mempengaruhi responden untuk hanya memilih guru dan kaunselor untuk memainkan peranan-peranan tersebut.

Peranan-peranan seperti jadual 1.32 merupakan tanggungjawab pekerja sosial sahaja. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan tidak tahu. Kecenderungan kumpulan guru memilih kaunselor untuk memainkan peranan-peranan tersebut. Manakala kumpulan pelajar lebih cenderung memilih guru dan pekerja sosial.

Secara keseluruhannya, dapat dikenal pasti bahawa tahap pengetahuan guru dan pelajar adalah masih pada tahap rendah terhadap praktis kerja sosial sekolah. Tahap pengetahuan yang rendah ini adalah berdasarkan ketidakbolehan guru dan pelajar untuk mengenal pasti peranan dan membezakan antara peranan guru, kaunselor dan pekerja sosial. Shariza (2008) telah menyatakan tahap pengetahuan seseorang mampu diukur berdasarkan kebolehan individu untuk membezakan item-item yang disediakan. Jika individu tidak mampu membezakan item-item yang disediakan menunjukkan individu tersebut mempunyai pengetahuan yang rendah.

Tahap pengetahuan yang rendah ini juga berikutan belum ada penempatan pekerja sosial di sekolah. Meliono (2007) ada menyatakan pengetahuan individu itu turut

Jadual 1.32 Peranan pekerja sosial terhadap penyelidikan keberkesanan program untuk pelajar

Peranan	Responden	Tahap pengetahuan	Peratusan (%)
54. Menilai keberkesanan program yang disediakan pihak sekolah. Contohnya, program pencegahan dadah dapat memberi kesedaran atau sebaliknya kepada pelajar mengenai bahaya dadah.	Guru	Tidak tahu	60
	Pelajar	Tidak tahu	82.2
55. Menjalankan penyelidikan bagi menentu dasar sosial (pendidikan) yang sesuai diaplikasikan kepada pelajar. Contohnya, hukuman pelajar ponteng sekolah, adakah memberi kesan positif atau negatif.	Guru	Tidak tahu	55
	Pelajar	Tidak tahu	71.1
56. Menjalankan penyelidikan bagi mengenalpasti kaedah penyelesaian masalah yang baru dalam membantu pelajar bermasalah.	Guru	Tidak tahu	62.5
	Pelajar	Tidak tahu	71.1

dipengaruhi oleh persekitarannya. Oleh sebab pekerja sosial belum ditempatkan di sekolah ianya membuatkan responden cenderung memilih guru dan kaunselor untuk memainkan peranan tersebut dan bukan pekerja sosial. Selain itu, kurangnya informasi atau sumber-sumber yang ada mengenai praktis kerja sosial sekolah ini. Mohd Suhaimi (2007) yang telah mengukur tahap pengetahuan pesakit terhadap praktis kerja sosial di hospital menunjukkan pesakit hanya mengetahui tentang praktis kerja sosial melalui doktor. Jika pesakit tidak diberi pengetahuan tentang adanya intervensi kerja sosial, didapati pesakit tidak mempunyai pengetahuan berkenaan intervensi tersebut.

Oleh itu, bagi membolehkan praktis kerja sosial sekolah ini dijalankan di sekolah-sekolah di Malaysia, perlunya informasi-informasi atau sumber-sumber seperti media memperkenalkan praktis ini. Peranan kaunselor juga mampu membantu untuk memberi pengetahuan kepada guru mahupun pelajar tentang intervensi kerja sosial sekolah ini. Walau bagaimanapun, penerimaan guru, kaunselor dan pelajar juga perlu diukur bagi melaksanakan praktis kerja sosial di sekolah. Oleh itu, perlunya pengenalan pastian tahap penerimaan guru, kaunselor dan pelajar untuk melaksanakan praktis atau penempatan pekerja sosial di sekolah.

## Kesimpulan

Intervensi kerja sosial sekolah begitu penting untuk dilaksanakan di Malaysia. Masalah sosial yang melibatkan pelajar perlunya tindakan kolektif pelbagai lapangan untuk sama-sama membantu pelajar agar mampu berkefungsian. Walau bagaimanapun, bagi melaksanakan intervensi dan penempatan pekerja sosial sekolah ini perlunya pengetahuan sama ada terhadap pelajar mahupun guru-guru lain agar mereka mampu menerima intervensi ini dan tidak menganggap praktis kerja sosial sekolah ini sama dengan profesion lain seperti kaunselor dan guru. Oleh itu, bagi membantu praktis kerja sosial ini mampu dikenali oleh guru mahupun pelajar, perlunya penyebaran atau pengenalan terhadap praktis ini agar adanya penerimaan dalam kalangan pelajar, guru dan pihak kementerian.

## Nota

- <sup>1</sup> Nurzaimah Asalal adalah pelajar pascasiswazah di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Dr Ezarina Zakaria adalah seorang Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dr Haris Abd Wahab adalah seorang Pensyarah Kanan di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

## Rujukan

- Adi Fahrudin. 2000. Praktis Kerja Sosial di Sekolah. Universiti Malaysia Sabah. From: <http://adifahrudin.files.wordpress.com/2009/12/praktis-kerja-sosial-di-sekolah.pdf>.
- Allen, M., Washington, R. O., Welsh, B. L., 2000. *Social Work Services in Schools (3th ed.)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Amna Md Noor, 2000. Keperluan dan Cabaran Masa Depan Praktis Kerja Sosial di Sekolah. Seminar Kebangsaan Kerja Sosial 1999.
- Amna Md Noor, Rozumah Baharuddin, Abdullah Al-Hadi Hj. Muhammed, Tan, J. P., 2003. *Sistem Sekolah dan Sosialisasi Pelajar*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Azizan Bahari, 2010. Permasalahan Sosial Pelajar: Keperluan Kepada Kerja Sosial Sekolah. From: <http://www.sukarelawanmalaysia.com>.
- Bye, L., Shepard, M., Partridge, J., and Alvarez, M., 2009. School Social Work Outcomes: Perspectives of School Social Workers and School Administrators. *Children & School* 31(2) 97. From: ProQuest Education Journals. Januari 2012.
- Costin, L. B., 1969. A Historical Review of School Social Work. *Social Casework* 10 440. From: <http://uqu.edu.sa/>.
- Feldman, M., 2010. Comparison of School Counselors and School Social Workers: Performance of Tasks and Perceived Preparedness. From: ProQuest Education Journals.
- Fuziah Shaffie dan Abd Razak Abd Manaf, 2001. Pengenalan kerja sosial: Artikel-artikel pilihan. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Kelly, M. and Stone, S., 2009. An Analysis of Factors Shaping Interventions Used by School Social Workers. *Children & Schools* 31(3) 163-176. From: ProQuest Education Journals.
- Leyba, E., 2010. How School Social Workers Integrate Service Opportunities into Multiple Elements of Practice. *Children & School* 32(1) 27. From: ProQuest Education Journals.
- Meliono, I., 2007. *MPKT Modul 1*. Jakarta: Lembaga Penerbitan FEUI. From: <http://id.wikipedia.org/wiki/Pengetahuan>.
- Mohd Suhaimi Mohamad, 2007. Tahap Pengetahuan dan Pola Penggunaan Perkhidmatan Kerja Sosial di Kalangan Pesakit: Kajian kes di Hospital UKM. *Jurnal e-Bangi* 2(2). From: [journalarticle.ukm.my](http://journalarticle.ukm.my).
- Salazar, L., 2010. Developments in School Social Work from 1950-2000: An Historical Analysis. From: ProQuest Education Journals.
- Sapora sipon, 2010. Profesionalisme Kaunselor Sekolah: Satu Tinjauan. *Psikologi Masyarakat Malaysia Semasa* 97-105. From: <http://ddms.usim.edu.my>.
- School Social Work Association of America. 2005. SSWAA's organizational mission statement. From: [www.sswaa.org](http://www.sswaa.org). September 2011.
- Skidmore, R. A., 1997. *Introduction to Social Work (7th edn.)*. Allyn and Bacon.

- Shaffer, G., 2006. Promising school social work practices of the 1920: Reflections for today. *Children & Schools* 28(4) 243-251. From: <http://www.highbeam.com/>.
- Shariza Said., 2008. Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Guru Serta Ibu Bapa Tentang Pendidikan Seks untuk Remaja Bermasalah Pembelajaran di Selangor. Thesis Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Teasley, M., 2004. School Social Worker and Urban Education Reform with African American Children and Youth: Realities, Advocacy and Strategies for change. *School Community Journal* 14(2) 19-38. From: ProQuest Education Journals.
- Zuraimey, Mohd Najib, dan Mohamed Sharif, 2008. Amalan Serta Peranan dan Tanggungjawab Kaunselor di Sekolah-sekolah dalam menangani masalah kekeluargaan. Seminar Kaunseling Keluarga. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

